



**SMK RIAM, MIRI**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM II**  
**NOVEMBER 2021**

**PERNIAGAAN**  
**KERTAS 2**  
**3766/2**  
**2 JAM 15 MINIT**  
**TINGKATAN 5**

**Nama : \_\_\_\_\_**

**Kelas : \_\_\_\_\_**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **3 bahagian**, Bahagian A : Mengandungi (6 soalan), Bahagian B : Mengandungi (3 soalan) dan Bahagian C: (1 soalan)

**Bahagian A**  
**[50 markah]**

Arahan: Jawab **5** soalan sahaja.

1. (a) Terangkan tujuan perniagaan menawarkan barang dan perkhidmatan. [4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
1 (a)	F1 H1 F2 H2	Tujuan perniagaan menawarkan barang dan perkhidmatan Bermotifkan untung Menawarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan atau diminta oleh pengguna Bukan bermotifkan untung Membantu golongan kurang berkemampuan / kegiatan kemasyarakatan	1 1 1 1 Maks: 4m

- (b) Gambar yang berikut menunjukkan bentuk perniagaan lain yang terdapat di Malaysia.



- i. Terangkan pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian urus niaga bagi perniagaan tersebut.

[4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
1 (b)i	F1 H1 F2 H2	Pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian urus niaga bentuk perniagaan francais Francaisi Syarikat yang membeli hak kebenaran untuk menggunakan jenama daripada franchisor Francaisor Pemegang / pemilik hak	1 1 1 1 Maks: 4m

ii. Berikan ciri-ciri umum bentuk perniagaan dalam gambar di atas.		[2 markah]	
No soalan	FHC	Jawapan	Markah
1 (b)ii	H1	Ciri-ciri umum bentuk perniagaan francais	1
	H2	Mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francaisor	1
	H3	Perniagaan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian	1
	H4	Francaisi berhak menggunakan rahsia dagangan milik francaisor	1
	H5	Francaisor bertanggungjawab untuk memberi bantuan kepada francaisi	1
		Francaisi membuat bayaran dalam bentuk fi/ balasan lain yang dipersetujui oleh francaisor	1
			Maks: 2m

2. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Negara X.

Negara X mempunyai suatu masalah ekonomi yang semakin serius. Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan untuk tempoh dua tahun. Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku termasuklah faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh. Pembeli memilih untuk menangguhkan pembelian.

(a) i. Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara X?

[1 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
2 (a)i	F1	Masalah ekonomi yang berlaku di negara X Deflasi	1 Maks: 1m

ii. Jelaskan bagaimana kerajaan negara X dapat mengatasi masalah ekonomi tersebut.

[6 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
2 (a)ii		Cara kerajaan negara X dapat mengatasi masalah ekonomi tersebut F1 Menurunkan kadar cukai H1a Kerajaan mengurangkan kadar cukai yang dibayar oleh pengguna H1b Meningkatkan pendapatan boleh guna penduduk H1c Pengguna boleh berbelanja lebih bagi merangsang aktiviti perniagaan  F2 Memberi khidmat nasihat dan perundangan H2a Kerajaan mendidik para peniaga agar menggunakan setiap sumber secara optimum H2b Meningkatkan aktiviti eksport ke negara serantau  F3 Dasar kewangan negara H3a Kerajaan menurunkan kadar faedah atas simpanan / pinjaman H3b Menurunkan cukai eksport untuk menggalakkan aktiviti pada peringkat antarabangsa H3c Melaksanakan dasar fiskal	1 1 1 1  1 1 1  1 1 1  1 1 1 1

(b) Berikan **tiga** kesan masalah ekonomi di 2(a)i. kepada negara X.

[3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
2 (b)	H1	Kesan deflasi kepada negara X Membantutkan aktiviti perniagaan	1
	H2	Penduduk kehilangan pekerjaan	1
	H3	Kuasa beli penduduk menurun	1
			Maks: 3m

3. (a) Senaraikan **dua** peranan bagi bahagian fungsian di bawah.

i. Bahagian fungsian pentadbiran

[2 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
3 (a)i	F1 F2	Peranan bahagian fungsian pentadbiran Menjalankan urusan dalaman organisasi perniagaan Menyediakan dokumen syarikat dan menguruskan program	1 1 Maks: 2m

ii. Bahagian fungsian sumber manusia

[2 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
3 (a)ii	F1 F2 F3 F4	Peranan bahagian fungsian manusia Perancangan sumber manusia Latihan dan pengalaman Perkhidmatan pekerja dan kebajikan Perhubungan industri	1 1 1 1 Maks: 2m

(b) Terangkan **tiga** kaedah yang digunakan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam perniagaan.

[6 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
3 (b)	F1 H1a H1b  F2 H2a H2b  F3 H3a H3b  F4 H4a H4b  F5 H5a H5b  F6 H6a H6b	Kaedah yang digunakan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam perniagaan E-pemasaran Memasarkan produk secara dalam talian ( <i>online</i> ) Pelanggan mengetahui maklumat tentang barang dengan mudah dan boleh membuat tempahan segera  E-dagang Sistem berkaitan tempahan, pembelian dan pembayaran dilakukan secara dalam talian Peniaga mendapat faedah dalam peningkatan hasil jualan kerana memudahkan pekerja memenuhi kehendak pelanggan dengan segera dan secara berterusan tanpa henti  E-government Perniagaan menggunakan secara dalam talian untuk urusan perniagaan dengan kerajaan seperti kementerian dan jabatan kerajaan Urusan menjadi lebih cepat, menjimatkan kos dan telus  E-banking Sistem urusan perniagaan melibatkan perbankan menggunakan urusan secara dalam talian dengan pihak bank Urusan perbankan menjadi lebih cepat dan menjimatkan kos  Penggunaan laman sosial Perniagaan membuat perkongsian urusan dengan pelanggan melalui laman sosial Kelebihan: - dapat mengiklankan barang - meluaskan rangkaian rakan perniagaan - mencari pelanggan baharu - mengekalkan pelanggan sedia ada  E-mel Perniagaan menggunakan mel elektronik untuk berurusan dengan perniagaan lain dan pelanggan dalam pasaran Menyampaikan maklumat kepada pelanggan dengan cepat dan menjimatkan kos perniagaan	1 1 Maks: 2m

4. (a) Pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan mempunyai peranan yang tertentu. Jelaskan peranan pengurus sumber manusia dari aspek pemberhentian pekerja. [3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
4 (a)	H1	Peranan pengurus sumber manusia dari aspek pemberhentian pekerja Penamatkan perkhidmatan kontrak pekerjaan/ persaraan/ secara sukarela/ tindakan disiplin/ pemecatan pekerja	1
	H2	Diberikan ganjaran/ pampasan setimpal oleh majikan	1
	H3	Bayaran gratuity/ persaraan/ pencecang sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka	1
	H4	Mewujudkan suasana harmoni	1
	H5	Hubungan baik antara majikan dan pekerja di dalam perniagaan	1
			Maks: 3m

- (b) Syarikat Pembinaan Mega Makna telah menyediakan Standard Prosedur Operasi (SOP) untuk menjaga keselamatan pekerjanya.

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia berkaitan Standard Prosedur Operasi (SOP). [4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
4 (b)	H1	Aspek pengelolaan sumber manusia berkaitan dengan Standard Prosedur Operasi (SOP) Syarikat Pembinaan Mega Makna	
	H2	Merupakan dokumen arahan bertulis untuk mencapai keseragaman pelaksanaan tugas dan fungsi-fungsi tertentu	1
	H3	Melibatkan pengendalian dokumen seperti pelan, peraturan, pematuhan dan dasar	1
	H4	Bagi memastikan kerja dilakukan mengikut piawaian yang ditetapkan	1
	H5	Meminimumkan kos	1
		Memelihara keselamatan semua pekerja	1
			Maks: 4m

- (c) Nyatakan **tiga** jenis sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesebuah organisasi. [3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
4 (c)	F1 F2 F3	Jenis sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesebuah perniagaan Harta intelek Lesen perniagaan Kemahiran dan pengalaman	1 1 1 Maks: 3m

5. (a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Zumiah bercadang untuk memulakan perniagaan salun kecantikan. Beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM35000 dengan kadar segera. Beliau berhasrat menjelaskan pinjaman dalam tempoh tujuh bulan. Puan Zumiah menjadikan barang-barang yang berikut sebagai cagaran yang dianggarkan bernilai lebih daripada RM90000.



Jelaskan **satu** sumber pembiayaan luaran yang paling sesuai digunakan oleh Puan Zumiah. [4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
5 (a)	F1 H1 H2 C1	Sumber pembiayaan luaran yang paling sesuai digunakan oleh Puan Zumiah Sumber pembiayaan bank dan institusi kewangan Pinjaman Perniagaan Gadaian/ Ar-Rahnu Ar-Rahnu merujuk satu barang berharga untuk dijadikan cagaran bagi mendapatkan pinjaman Puan Zumiah menggunakan barang berharga seperti barang emas sebagai cagaran untuk dapat pinjaman.	1 1 1 1 Maks: 4m

(b) Jelaskan kelebihan overdraf dalam membantu peniaga meluaskan perniagaan. [6 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
5 (b)	H1 H2 H3 H4 H5	Kelebihan overdraf dalam membantu peniaga meluaskan perniagaan Kemudahan kredit yang disediakan oleh bank perdagangan untuk pemegang akaun semasa Peniaga boleh mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanan mereka Mengikut had yang ditetapkan oleh pihak bank Dikenakan faedah atas jumlah overdraf yang digunakan Sesuai kepada usahawan yang kurang pasti tentang jumlah, masa dan tempoh pembiayaan yang diperlukan	1 1 1 1 1 Maks: 6m

6. (a) Jelaskan kelebihan bermiaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek matlamat peribadi dan objektif perniagaan. [6 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
6 (a)		Kelebihan bermiaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek matlamat peribadi dan objektif perniagaan  Matlamat peribadi H1 Mencari rezeki bagi menyara kehidupan diri dan keluarga H2 Membentuk peribadi yang positif seperti yakin diri, tabah dan optimistik H3 Kejayaan perniagaan boleh mendatangkan kepuasan kepada usahawan kerana berkorban masa, tenaga dan wang kepada perniagaan itu  Objektif perniagaan H4 Menyediakan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pembinaan dan khidmat jualan langsung H5 Kadar pengangguran dapat dikurangkan H6 Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat dengan menawarkan barang dan perkhidmatan H7 Membangunkan ekonomi negara	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 Maks: 6m

(b) Nyatakan perbezaan antara stok bergerak pantas dan stok bergerak perlahan.

[4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah						
6 (b)		<p>Perbezaan antara stok bergerak pantas dan stok bergerak perlahan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Stok bergerak pantas</th> <th>Stok bergerak perlahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Stok yang dapat dijual dengan cepat</td> <td>Stok yang mengambil masa lama untuk dijual</td> </tr> <tr> <td>Stok ini berisiko rendah kerana kepentasan jualan dapat mengelakkan masalah stok luput, busuk atau usang/elak barang rosak</td> <td>Stok ini berisiko tinggi kerana stok mudah menjadi rosak atau ketinggalan zaman sekiranya disimpan lama</td> </tr> </tbody> </table>	Stok bergerak pantas	Stok bergerak perlahan	Stok yang dapat dijual dengan cepat	Stok yang mengambil masa lama untuk dijual	Stok ini berisiko rendah kerana kepentasan jualan dapat mengelakkan masalah stok luput, busuk atau usang/elak barang rosak	Stok ini berisiko tinggi kerana stok mudah menjadi rosak atau ketinggalan zaman sekiranya disimpan lama	<p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>Maks: 4m</p>
Stok bergerak pantas	Stok bergerak perlahan								
Stok yang dapat dijual dengan cepat	Stok yang mengambil masa lama untuk dijual								
Stok ini berisiko rendah kerana kepentasan jualan dapat mengelakkan masalah stok luput, busuk atau usang/elak barang rosak	Stok ini berisiko tinggi kerana stok mudah menjadi rosak atau ketinggalan zaman sekiranya disimpan lama								

## Bahagian B [30 markah]

Arahan: Jawab **2** soalan sahaja.

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan visi, misi dan objektif perniagaan Bread House, sebuah perniagaan milikan tunggal dengan modal permulaan RM80000 di Kuala Terengganu.

Motto	Roti Lembut dan Sedap
Visi	Menjadi syarikat terbaik di Malaysia dalam industri kek dan bakeri halal
Objektif	<ul style="list-style-type: none"><li>- Menipta peluang perniagaan dalam industri kek dan bakeri</li><li>- Membangunkan satu konsep perniagaan rangkaian kek dan bakeri yang bertaraf dunia meliputi seluruh negara</li><li>- Peningkatan 45% keuntungan setahun</li></ul>

- (a) Mengapakah perniagaan Bread House perlu menyediakan visi, misi dan objektif perniagaan? [3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
7 (a)	F1	Sebab Perniagaan Bread House perlu menyediakan visi, misi dan objektif perniagaan	1
	H1a	Visi sebagai penetapan matlamat perniagaan dalam jangka panjang	1
	H1b	Mendorong semua pihak dalam organisasi / perniagaan memahami hala tuju perniagaan	1
		Panduan membuat tindakan / memudahkan membuat keputusan	1
	F2	Misi supaya setiap bahagian mengetahui tanggungjawab / peranan masing-masing untuk mencapai visi	1
	H2a	Penting menjelaskan aktiviti yang perlu dilakukan oleh Bread House untuk mencapai visi	1
	F3	Objektif membolehkan Bread House mengukur prestasinya	1
	H3	Contohnya, syarikat perlu meningkatkan 45% keuntungan setahun	1
			Maks: 3m

(b) Adakah objektif perniagaan Bread House menepati ciri-ciri SMART. Berikan alasan anda. [6 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
7 (b)		Objektif Perniagaan Bread House menepati ciri-ciri SMART	
	F1	Ya / Objektif perniagaan Bread House / mempunyai ciri SMART	1
	H1	Pernyataan objektif boleh diukur secara kuantitatif / spesifik	1
	H2	Boleh diukur dalam bentuk angka / peningkatan keuntungan 45% / kualitatif	1
	H3	Membangunkan satu konsep perniagaan rangkaian bakeri dan konfeksi yang mempunyai satu tahap bertaraf dunia	1
	H4	Realistik	1
	H5	Keuntungan boleh dicapai berdasarkan modal RM80000	1
	H6	Mengambil jangka masa (time frame)	1
	H7	Peningkatan 45% keuntungan dalam tempoh setahun	1
			Maks: 6m

(c) Pengurus Bread House mendapat keuntungan yang diperoleh tidak mencapai objektif. Beliau bercadang untuk mengubah objektif perniagaannya dengan mengaplikasikan analisis SWOT. Jelaskan analisis SWOT yang boleh diperhalusi untuk menyediakan semula objektif perniagaannya. [6 markah]

8. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan Encik Meisa.

Encik Meisa ingin menjalankan perniagaan memproses keropok. Dia memerlukan modal awal sebanyak RM120000 manakala simpanannya hanya RM50000. Beliau menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan perniagaan. Maka, Encik Meisa memerlukan pembiayaan untuk menjalankan perniagaan ini.

- (a) Apakah sumber pembiayaan dalaman dan pembiayaan luaran yang dapat membantu Encik Meisa menjalankan perniagaannya? [4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
8 (a)		Sumber pembiayaan dalaman dan pembiayaan luaran yang dapat membantu Encik Meisa menjalankan perniagaannya	
	H1	Simpanan peribadi / ahli keluarga	1
	H2	Modal daripada keuntungan rizab	1
	H3	Bank dan institusi kewangan	1
	H4	Agensi kerajaan	1
			Maks: 4m

- (b) Sekiranya perniagaan Encik Meisa memperoleh keuntungan kasar, beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaannya.

Cadangkan sumber pembiayaan yang sesuai dan berikan alasan. [4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
8 (b)		Sumber pembiayaan yang sesuai jika Encik Meisa ingin mengembangkan perniagaannya	
	F1	Sumber pembiayaan bank / institusi kewangan	1
		Alasan:	
	H1	Menyediakan sumber pembiayaan untuk pelbagai peringkat kitaran perniagaan	1
	H2	Peringkat permulaan, perkembangan dan pemuliharaan	1
	H3	Dapat memperoleh pembiayaan dengan cepat dan mudah tanpa mematuhi prosedur yang terlalu ketat	1
	H4	Apabila pembiayaan diluluskan, peminjam hanya perlu menandatangani kontrak dengan pihak pembiaya	1
			Maks: 4m

- (c) Huraikan faktor-faktor yang perlu dipertimbang oleh Encik Meisa untuk memulakan perniagaannya. [7 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
8 (c)		Faktor-faktor yang perlu dipertimbang untuk memulakan perniagaan	
	H1	Mempunyai minat, pengalaman dan pengetahuan	1
	H2	Memiliki kemahiran seperti kemahiran membuat keputusan dan kemahiran teknologi	1
	H3	Merebut peluang	1
	H4	Memastikan jenis perniagaan yang diceburi sesuai dengan kelayakan dan berpotensi maju	1
	H5	Lokasi yang sesuai dan strategik	1
	H6	Mematuhi syarat dan peraturan perundangan dan akta perniagaan seperti Akta Jualan Barang 1957 dan Akta Kawalan Harga 1973	1
	H7	Memastikan sumber bekalan mencukupi dan mudah diperoleh	1
	H8	Mengenal pasti bilangan dan kekurangan pesaing serta merancang strategi untuk menghadapinya	1
			Maks: 7m

9. (a) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Memeti.

Syarikat Memeti merancang untuk mengeluarkan Cendawan Goreng Crispy secara besar-besaran. Puan Titi, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Pada masa yang sama, Syarikat Memeti menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Memeti menyediakan rancangan perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut

[4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
9 (a)		Kepentingan menyediakan rancangan perniagaan	
	H1	Memberi peluang kepada Syarikat Memeti menilai projek yang dirancang dengan teliti	1
	H2	Syarikat Memeti dapat menganggarkan keperluan sumber perniagaan	1
	H3	Syarikat Memeti dapat menjangkakan risiko dan masalah yang mungkin berlaku semasa melaksanakan projek perniagaan tersebut	1
	H4	Memberi gambaran sama ada produk cendawan goreng Puan Titik yang dirancang berdaya maju atau tidak	1
	H5	Syarikat Memeti boleh menyakinkan pihak bank	1
		Maks: 4m	

(b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Memeti. [3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
9 (b)	H1 H2 H3 H4	Elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Memeti Menyediakan carta organisasi Menyediakan spesifikasi tugas mengikut jawatan Menyediakan jadual imbuhan atau gaji serta insentif yang diberikan Menyediakan senarai keperluan pejabat	1 1 1 1

(c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Cendawan Goreng Crispy. [8 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
9 (c)		Campuran pemasaran bagi produk Cendawan Goreng Crispy	
	F1	Harga	1
	H1	Menawarkan harga berpatutan / pelanggan mampu milik / bersesuaian dengan kuantiti / kualiti	1
	F2	Produk	1
	H2	Cendawan Goreng Crispy memenuhi cita rasa / kehendak pelanggan	1
	F3	Promosi	1
	H3	Menggunakan kaedah promosi berkesan / menggunakan laman sosial / risalah / memberi potongan harga	1
	F4	Saluran agihan	1
	H4	Syarikat Memeti memilih saluran agihan yang sesuai untuk Cendawan Goreng Crispy sampai kepada pelanggan / mudah diperoleh / contoh saluran agihan yang sesuai	1
			Maks: 8m

**Bahagian C**  
**[20 markah]**

Puan Mina, 38 tahun merupakan pemilik Kilang Keropok 98000 di Sarawak. Puan Mina merupakan seorang wanita yang berkeyakinan tinggi dan tidak gentar dengan cabaran. Semasa kecil, beliau pernah membantu ibunya di kedai menjual kuih untuk mendapatkan upah dan mempunyai duit simpanan sendiri. Hal ini telah membentuk Puan Mina untuk mengusahakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.

Puan Mina memulakan perniagaan dengan mendapatkan modal daripada suaminya dan memohon pinjaman daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Beliau memilih untuk mendapatkan pinjaman daripada PUNB kerana tidak mahu terikat dengan perjanjian bank. Tambahan pula, pinjaman menerusi bank memerlukan pembayaran faedah yang tinggi. Untuk memastikan beliau terus berjaya, beliau juga telah mengikuti pelbagai latihan dan kursus seperti kursus asas usahawan, perakaunan, pengurusan stok, prosedur bahan dan sistem automasi kilang yang dianjurkan oleh Utama Business Sales & Investment Sendirian Berhad dan Program Latihan Keusahawanan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kini, Kilang Keropok 98000 telah memasuki tahun keenam operasi di bawah kendalian Puan Mina. Kilang Keropok 98000 telah berjaya mendapat pelbagai anugerah. Kilang Keropok 98000 dengan pelbagai kerjasama syarikat lain turut menjadi penaja pelbagai acara kebajikan dan sukan di Sarawak.

Kilang Keropok 98000 beroperasi selama 12 jam sehari membabitkan pelbagai risiko seperti kecurian dan rompakan. Puan Mina mengambil langkah berjaga-jaga demi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku. Beliau cekal dan tegas untuk mengambil tindakan atas salah laku yang dilakukan oleh pekerjanya. Namun, semua ini dilakukan berdasarkan bukti. Justeru, Kilang Keropok 98000 dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) di setiap sudut yang disambungkan terus ke telefon bimbitnya supaya beliau dapat memantau keadaan pada setiap masa. Beliau akan meluangkan masa sekurang-kurangnya dua jam pada waktu pagi dan malam untuk melihat CCTV. Beliau akan hadir ke kilang keropoknya setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad.

Arahan: Baca dengan teliti kes di atas.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

(a) i. Terangkan **dua** ciri keperibadian usahawan Puan Mina.

[4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
10 (a) i	F1 H1  F2 H2  F3 H3	Ciri keperibadian usahawan Puan Mina  Yakin diri dan optimistik Sentiasa berfikir untuk mencari jalan penyelesaian  Berani menghadapi risiko Sanggup memulakan perniagaan walaupun perlu membuat pinjaman  Berinisiatif dan bertanggungjawab Sanggup meluangkan masa melihat CCTV	1 1  1 1  1 1

ii. Nyatakan **tiga** kepentingan latihan kepada usahawan.

[3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
10 (a) ii	H1 H2 H3	Kepentingan latihan kepada usahawan  Memberi dorongan agar usahawan dapat mengemukakan rancangan dan tindakan untuk memulakan perniagaan Memberi motivasi kepada usahawan ke arah mencapai matlamat dalam memajukan perniagaannya Membolehkan usahawan mengikuti perkembangan teknologi yang boleh meningkatkan produktiviti pengeluaran	1 1 1  Maks: 3m

(b) Nyatakan **dua** jenis sumber yang diperlukan oleh Kilang Keropok 98000 untuk beroperasi.

[3 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
10 (b)	F1 H1a H1b H1c H1d H1e H1f  F2 H2a H2b	Jenis sumber yang diperlukan oleh Kilang Keropok 98000  Sumber fizikal Bangunan pejabat dan kemudahan Kilang dan mesin Bahan mentah Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi Stok Produk siap  Sumber teknologi Kemahiran dan pengalaman Harta intelek	1 1 1 1 1 1 1  1 1 1  Maks: 3m

(c) Terangkan **dua** pihak berkepentingan kepada pernyataan kewangan.

[4 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
10 (c)	F1 H1  F2 H2  F3 H3  F4 H4a H4b  F5 H5  F6 H6	Pihak berkepentingan kepada pernyataan kewangan  Pemegang saham / Pemilik Mengetahui keberuntungan perniagaan / pulangan  Pelabur Menyakinkan pelabur untuk melabur dalam perniagaan  Pihak pengurusan Menilai prestasi perniagaan  Pertimbangan pemberian ganjaran / dividen/ bonus Perbandingan prestasi kewangan Merancang agihan sumber perniagaan / menyusun strategi pengurusan  Pembekalan / institusi kewangan Mengetahui kemampuan peniaga membayar hutang  Pembekal / vendor Menilai keupayaan menguruskan hutang / pemberian pinjaman / pembentukan	1 1  1 1  1 1  1 1 1  1 1  1 1  1 1  1 1  Maks: 4m

(d) Terangkan tujuan Puan Mina membuat pengiklanan dalam perniagaannya.

[5 markah]

No soalan	FHC	Jawapan	Markah
10 (d)		Tujuan Puan Mina membuat pengiklanan dalam perniagaan	
	H1	Memperkenal barang / perkhidmatan baharu	1
	H2	Mengingatkan pengguna tentang sesuatu barang / perkhidmatan	1
	H3	Mengekalkan pasaran barang / perkhidmatan	1
	H4	Barang / perkhidmatan lebih popular	1
	H5	Imej yang lebih baik	1
	H6	Mempengaruhi dan memujuk pengguna	1
	H7	Mendapatkan maklumat sesuatu barang / perkhidmatan	1
	H8	Meningkatkan jualan	1
			Maks: 5m